

PLUS SEDIA 214 KEMUDAHAN TEMPAT BERTEDUH UNTUK PENUNGGANG MOTOSIKAL UNTUK KESELAMATAN DAN KESELESAAN PENUNGGANG MOTOSIKAL

Petaling Jaya, 5 Ogos 2023:- Dalam usaha memastikan keselamatan semua pengguna lebuh raya termasuk penunggang motosikal, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) sentiasa memandang serius mengenai keperluan bagi golongan ini di lebuh raya terutamanya ketika berhadapan dengan cuaca buruk atau hujan. Oleh itu, sejak awal tahun 2000, PLUS telah mula menyediakan tempat-tempat berteduh khusus untuk penunggang motosikal.

214



TEMPAT BERTEDUH

Disediakan Untuk Penunggang Motosikal Sepanjang Lebuhraya PLUS



**Tempat Teduhan Motosikal
Jenis 'Stand Alone'
(28 buah)**



**Tempat Teduhan Motosikal
Jenis Bawah Jambatan
(186 buah)**



Menurut Pengurus Besar Kanan Operasi PLUS, Mohd Yusuf Abdul Aziz, “Menyedari penunggang motosikal merupakan kumpulan yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai risiko ketika berada di lebuhraya, PLUS secara berterusan menambah baik kemudahan yang disediakan untuk golongan sasar ini di lebuhraya kami bagi menjadikan perjalanan mereka lebih selamat, lancar dan selesa.”

“Pada ketika ini, Lebuhraya PLUS dilengkapi dengan 214 kemudahan tempat berteduh untuk penunggang motosikal. Ia terdiri daripada 2 jenis iaitu 28 buah teduhan motosikal jenis *Stand-alone*, manakala 186 buah teduhan motosikal di Bawah Jambatan,” jelas beliau.

Beliau turut menambah, “PLUS bersedia untuk menambah 22 buah lagi tempat berteduh motosikal iaitu 6 buah daripada jenis *Stand-alone* dan 16 buah di Bawah Jambatan yang dijangka akan siap sepenuhnya secara berperingkat pada tahun ini sehingga suku kedua 2024.”

Selain tempat-tempat berteduh khusus ini, PLUS turut menasihatkan penunggang motosikal untuk berhenti berteduh di kawasan rehat dan rawat (R&R), hentian sebelah atau stesen minyak yang berdekatan sepanjang lebuhraya sekiranya berhadapan dengan cuaca yang terlalu buruk atau hujan yang terlalu lebat.

Dalam masa yang sama, PLUS turut menasihatkan penunggang motosikal supaya sentiasa berada di belakang rel penghadang (guardrail) di kawasan teduhan motosikal semasa berhenti untuk keselamatan mereka.

Penunggang motosikal juga dinasihatkan untuk tidak berhenti atau berkumpul di lorong kecemasan kecuali jika berlaku kecemasan. Ini untuk mengelakkan berlakunya kemalangan atau hal-hal yang tidak dijangka.

Bagi lokasi di bawah jambatan yang tidak disediakan kawasan teduhan motosikal, pihak PLUS telah menyediakan papan tanda larangan ‘Dilarang berhenti kecuali kecemasan’ untuk mengelakkan penunggang motosikal berhenti di kawasan tersebut atas faktor keselamatan dan mengelakkan risiko berlakunya insiden kemalangan.

-TAMAT-

PLUS PROVIDES 214 MOTORCYCLE SHELTER FACILITIES FOR MOTORCYCLISTS' SAFETY AND COMFORT

Petaling Jaya, 5 August 2023:- In an effort to ensure the safety of all highway users, including motorcyclists, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) takes the needs of this group seriously, especially during harsh weather conditions or heavy rain. Therefore, since the early 2000s, PLUS has been providing dedicated shelter facilities for motorcyclists.



According to PLUS Senior General Manager of Operations, Mohd Yusuf Abdul Aziz, “As we recognise that motorcyclists face various risks while on the highway, PLUS continuously improves the facilities provided for this target group on our highways to make their journey safer, smoother, and more comfortable.”

“At present, PLUS highways are equipped with 214 motorcycle shelter facilities for motorcyclists. They consist of 2 types, with 28 Stand-alone shelters and 186 Under Bridges shelters,” he explained.



He also added, “PLUS is ready to add 22 more motorcycle shelter facilities, including 6 Stand-alone shelters and 16 Under Bridge shelters, which are expected to be completed in stages from this year until the second quarter of 2024.”



MEDIA STATEMENT

In addition to these dedicated shelter facilities, PLUS also advises motorcyclists to seek shelter at rest and service areas (R&R), lay-bys, or nearby petrol stations along the highway if they encounter severe weather or heavy rain.

At the same time, PLUS advises motorcyclists to always stay behind the guardrail at the motorcycle shelter areas when stopping for their safety.

Motorcyclists are also advised not to stop or gather on the emergency lane except for any emergency situations. This is to avoid accidents or unforeseen incidents.

For locations under bridges where motorcycle shelter areas are not provided, PLUS has installed signs that prohibit motorcyclists to stop except for emergencies to ensure safety and avoid the risk of accidents.

-END-